

18 JUL 1999

MCA-Resolusi

ANGGOTA MCA AKAN PASTIKAN KEMENANGAN DUA PERTIGA MAJORITI BAGI BN

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Persidangan perwakilan ke-46 MCA berakhir hari ini dengan gesaan kepada anggota parti supaya menyatukan tenaga dan bekerja bersama-sama bagi memastikan Barisan Nasional (BN) menang sekurang-kurangnya dua pertiga majoriti pada pilihan raya umum akan datang.

Ketika melancarkan serangan yang tidak pernah berlaku sebelum ini terhadap pembangkang terutama DAP dan PAS, MCA merayu masyarakat Cina supaya "menolak tegas pakatan pembangkang yang dibentuk oleh DAP, PAS, Keadilan dan PRM."

Bagi memastikan negara kekal stabil dan tidak tergugat oleh kuasa dalaman dan luaran, perhimpunan itu juga merumuskan untuk menyokong sepenuhnya kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lebih daripada 2,000 perwakilan menghadiri perhimpunan dua hari yang dirasmikan oleh Dr Mahathir di Wisma MCA di sini semalam.

Parti itu juga berikrar untuk menyokong sepenuhnya usaha yang diambil kerajaan bagi memastikan kestabilan politik, keharmonian sosial dan pembangunan ekonomi di negara ini.

Berdasarkan kejayaan MCA menggabungkan parti dan menguatkan hubungan dengan masyarakat Cina, perhimpunan itu merumuskan untuk menyokong penuh presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek untuk terus memimpin parti memacu ke alaf baru.

Parti itu turut meluluskan resolusi untuk mengukuhkan lagi parti dengan meningkatkan keanggotaannya kepada sejuta orang tahun depan dengan separuh daripada mereka terdiri daripada anggota wanita.

Perhimpunan itu menyokong gesaan Dr Ling supaya lebih banyak anggota wanita memegang jawatan dalam parti dan memainkan peranan lebih aktif dalam memperjuangkan hak dan kepentingan mereka.

Mengenai ekonomi, perwakilan menerima langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi memulihkan ekonomi tanpa bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Mereka menggesa kerajaan supaya membantu mempercepatkan proses bagi permohonan-permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada pelbagai tabung Industri Kecil dan Sederhana.

Perhimpunan itu juga menegaskan semula perlunya kerajaan menyedari objektif program penswastaaan dan bagi memastikan supaya pemegang-pemegang konsensi projek-projek penswastaaan tidak mementingkan keuntungan mengatasi kepentingan dan kebajikan orang ramai.

Mengenai pendidikan, perhimpunan itu menggesa pihak berkuasa memberi peluang yang lebih kepada pelajar bukan bumiputera untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan.

Ia juga meminta kerajaan menggariskan rancangan komprehensif bagi mengatasi masalah di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina termasuk kekurangan guru.

Mengenai masalah sosial, para perwakilan menggesa pihak polis mengambil langkah berkesan bagi menangani masalah sosial seperti kegiatan kongsi gelap di sekolah, penyalahgunaan dadah, keganasan rumah tangga, penculikan gadis remaja dan penganiayaan kanak-kanak.

Terdapat juga resolusi mengenai pertanian yang meminta kerajaan membuka lebih banyak tanah, melonggarkan peraturan dan menyegerakan proses permohonan bagi tujuan pertanian.

Perwakilan yang mengucapkan tahniah kepada MCA di atas kejayaan menjalankan kempen mengisi tabung bagi membantu penternak babi semasa wabak Japanese Encephalitis/Nipah viral baru-baru ini juga menggesa kerajaan membantu menghidupkan semula industri ternakan babi.

-- BERNAMA

TM LAT